



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam**

**PEMBANTU PERTANIAN (D.3-4 EB.5)  
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. PEMBANTU PERTANIAN  
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
D.3-4 EB.5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = EMPAT (04)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang Agriculture (Crop & Livestock) / Biotechnology / Botany / Plant Science atau bidang bersesuaian.*

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.

2. Berkeupayaan dalam komunikasi untuk menjalankan perbincangan dengan orang ramai.
3. Berkemahiran dalam penyampaian taklimat dan bengkel.
4. Berkemahiran dalam mengenal pasti jenis-jenis tanaman.
5. Berkemahiran dalam pengendalian komputer.
6. Boleh bertutur dan menulis dengan baik dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Menjalankan tugas selaku pengendali pemantauan projek ladang tanaman;
2. Memberi khidmat nasihat pertanian kepada para peladang / pengusaha;
3. Merancang dan menentukan keperluan bahan insentif pertanian, perkhidmatan dokongan dan sebagainya berkaitan dengan kegiatan pertanian;



4. Membantu dalam pengumpulan maklumat dan pengiraan data industri pertanian dan yang berkaitan;
5. Membantu dalam menyediakan laporan / status ladang jika perlu dari semasa ke semasa;
6. Membuat pemeriksaan yang diteliti dan memastikan komoditi pertanian yang diimport dan eksport di pos-pos kawalan mempunyai dokumen-dokumen yang dikehendaki; dan
7. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Unit dari semasa ke semasa.